



PESAWAT Twin Otter MASwings yang terbabas sebelum merempuh sebuah rumah di Kampung Sin San, Kudat semalam.



ANGGOTA bomba melakukan kerja-kerja menyelamatkan selepas pesawat Twin Otter MASwings terbabas di Kudat semalam.

Dua orang maut, empat cedera parah pesawat terbabas di luar landasan *KOSMO 11/10/13*

MS 3

MASwings terjunam ke kampung

KUDAT - Dua orang maut manakala empat lagi cedera parah apabila sebuah pesawat jenis Twin Otter MASwings membawa dua juruterbang dan 14 penumpang terbabas dan merempuh sebuah rumah di Kampung Sin San di sini semalam.

Kejadian pada pukul 2.50 petang itu berlaku ketika pesawat DHC6 9M-MDM, MH3002 tersebut cuba membuat pendaratan - kecemasan selepas hilang kawalan akibat angin kencang.

Jarak antara lokasi pesawat itu terbabas dengan Lapangan Terbang Kudat ialah satu kilometer.

Ketua Polis Daerah Kudat, Deputi Superintendan Dawi Ossen berkata, seorang penumpang iaitu Tan Ah Chai, 96, disahkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Kudat manakala mangsa kedua pembantu juruterbang, Marc Joseph Bannsh, 23, meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu di sini pada pukul 9.05 malam.

"Empat penumpang lain masih menerima rawatan dan mereka di-



SALAH seorang mangsa tiba di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dari Kudat semalam untuk mendapat rawatan.

laporkan cedera teruk tetapi semua berada dalam keadaan stabil," kata beliau di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa-mangsa yang cedera termasuklah juruterbang pesawat, Mohd. Abd. Amir, 58.

"Kami masih menjalankan siasatan di tempat kejadian untuk menentukan punca sebenar insiden itu," kata beliau.

Difahamkan, pesawat penerbangan MH3002 itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada pukul 2.05 petang dan mengambil masa kira-kira 40

minit untuk tiba di Kudat.

Bagaimanapun, angin kencang yang berlaku di daerah yang terletak di utara Sabah itu menyebabkan pesawat berkenaan hilang kawalan dan memaksa juruterbang itu cuba melakukan pendaratan kecemasan.

Cubaan juruterbang pesawat itu gagal lalu ia merempuh pagar dan bahagian depan sebuah rumah yang tiada berpenghuni.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah, Mohd. Affendy Ramin berkata, seramai 16 mangsa termasuk juruterbang berada dalam

Peta laluan pesawat Twin Otter dari Kota Kinabalu - Kudat



pesawat tersebut semasa kejadian.

Menurut beliau, kesemua penumpang berjaya dibawa keluar daripada pesawat sebelum mereka dibawa ke Hospital Kudat untuk mendapatkan rawatan.

"Berlaku sedikit tumpahan minyak di lokasi kejadian pesawat itu terbabas namun anggota kita berjaya mengawal keadaan," jelasnya.

Dalam pada itu, Malaysia Airlines (MAS) dalam kenyataan di Kuala Lumpur mengesahkan bahawa pesawat MH3002 dari Kota Kinabalu ke Kudat terbabit dalam kemalangan.

INFO MASwings

Ditubuhkan: 1 Oktober 2007

Jumlah pesawat: 14

Syarikat induk: Malaysia Airlines

Ibu pejabat: Miri, Sarawak

Destinasi: Labuan, Sabah, Sarawak, Brunei, Indonesia

INFO Twin Otter

Anak kapal: 2

Kapasiti: 20 penumpang

Panjang: 15.77 m

Tinggi: 5.9 m

Keluasan sayap: 22.57 m²

Berat tanpa muatan: 3,363 kg

Berat maksimum untuk terbang: 5,670 kg

Penjana kuasa: 2 PT6A-27 turboprop, kuasa tujahan 460kW (620 hp)

Laju maksimum: 338 km/h (182 knot)